

Hero di sebalik tugas anggota bomba

Naskah yang mengangkat kisah anggota polis sememangnya sudah biasa dipotretkan baik di dalam filem mahupun drama.

Bagaimanapun agak jarang untuk kita melihat karya yang mengangkat kisah anggota di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Atas faktor itu mendorong NS Star Sdn Bhd tampil dengan sebuah drama mengenal anggota bomba pada tahun 2016, yang kemudiannya dinovelkan.

Disebabkan permintaan ramai yang mahu kisah mengenal anggota bomba diterbitkan, penerbit NS Star Sdn Bhd, Darling Ngasri mengambil langkah berani dengan mengangkat karyanya ke layar perak menerusi *Hero: Jangan Bikin Panas*.

Filem yang diarahkan oleh Azizi Chunk Adnan itu mengisahkan seorang anggota bomba, Zafrul, nekad untuk mencari kebenaran dan keadilan bagi mangsa-mangsa tragedi kebakaran yang berlaku di sebuah sekolah tahfiz beberapa tahun lalu.

Dia kemudiannya bertemu dengan dua orang anggota baru, Ahmad Mustar dan Adam Fanifinali yang cuba mencari kerja di Kuala Lumpur.

Mereka yang disertai oleh dua orang anggota wanita, Amylia dan Suraya, dalam masa yang sama cuba menyasat aktiviti penjualan tanah secara haram yang dilakukan oleh kumpulan kongsi



Dari kiri: Hisyam Hamid, Bell Ngasri dan Syafiq Farhain membawakan watak sebagai anggota bomba, di mana Hisyam pernah menjadi anggota bomba dan Syafiq secara realiti masih lagi menyuarang anggota unit beruniform itu.

gelap antarabangsa.

Perjalanan filem *Hero: Jangan Bikin Panas*

pada pandangan penulis santal dan tidak mengelirukan. Plot disusun baik dengan elemen lucu, aksi dan diselitkan dengan unsur dakwah serta mesej untuk diteladani bersama.

Biarpun ada sedikit kelompangan, namun kekurangan itu tidak terlalu ketara, apatah lagi, penonton disogok dengan kelebihan lain iaitu pada dialog dan aksi lucu bersahaja oleh dua pelakon utamanya iaitu Bell dan Mark.

Ada sahaja aksi mereka yang berjaya mengundang gelak ketawa penonton. Pendek kata, setiap kali mereka muncul, pasti akan membuatkan penonton pecah perut ketawa.

Namun sayangnya, ada ketika lakonan Hisyam agak tenggelam apabila berada bersama mereka dan kadangkala penulis merasakan aktor yang berasal

daripada Singapura itu pernah tampil dengan lakonan yang lebih baik dalam karya lakonannya sebelum ini.

Satu perkara lagi yang penulis suka adalah babak aksi, lebih-lebih lagi melihat aksi pertarungan Muay Thai oleh Mark. Nampak seolah-olah Mark seperti


seorang ahli seni mempertahankan diri yang profesional.

Penulis tidak mahu ulas mengenal sudut teknikal baik daripada sinematografi, kesan bunyi atau lain-lain lagi kerana pada pandangan penulis, ia bersesuaian dengan bajet yang ada.

Malah penulis percaya, jika punya bajet lebih lagi, baik penerbit mahupun pengarah pasti mahu hasilkan lebih lagi.


Namun secara keseluruhannya, ia masih sebuah filem yang berbaloi untuk ditonton. Lebih-lebih lagi penglibatan jentera bomba, anggota sebenar dalam beberapa babak di dalam filem ini.

Sulam elemen komedi, aksi dan dakwah



HERO: JANGAN BIKIN PANAS

Pengarah: Azizi Chunk
Pelakon: Hisyam Hamid, Bell Ngasri, Mark Adam, Syafiq Farhain, Elisya Sandha dan Tash Yong
Genre: Aksi/Komedi
Durasi: 1 Jam 38 Minit
Klasifikasi: P13
Tayangan: 3 Oktober 2019
Bahasa: Melayu



Hero: Jangan Bikin Panas turut memasukkan beberapa orang anggota sebenar di dalam filem ini.